

PASCA INKUES

Keputusan inkues

Polis perlu membuka semula kertas siasatan

Polis merujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan nasihat

Sekiranya Jabatan Peguam Negara beri izin, siasatan polis bermula dan ada tangkapan

Selepas siasatan dilakukan, polis perlu merujuk semula kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan nasihat bagi meneruskan pendakwaan

Jika Jabatan Peguam Negara berpuas hati dengan siasatan dan cukup bukti, pendakwaan akan dilakukan

INFOGRAFIK Metro

...di Institut Antung Negara (JN), Kuala Lumpur.

Shah Alam: "Jangan ada pihak politikkan lagi perkara ini. Semua pihak perlu hormati keputusan Mahkamah Koroner," kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Itu reaksi jelas diberikan beliau ketika mengulas



Kangar: Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menyemak kembali kes kematian anggota bomba Muhammad Adib, 24, susulan keputusan inkues kematian Adib disebabkan impak perbuatan jenayah.



keputusan Mahkamah Koroner semalam, yang memutuskan punca kematian anggota bomba, Muhammad Adib akibat impak perbuatan jenayah disebabkan dua atau lebih lelaki yang tidak dikenali.

Katanya, inkues kematian Muhammad Adib sudah dijalankan dengan sebaik mungkin demi memberi keadilan kepada semua pihak, terutamanya keluarga Allahyarham.

"Alhamdulillah inkues ini berjaya diselesaikan selepas enam bulan...seluruh rakyat perlu terima keputusan ini.

"Saya minta jangan ada pihak politikkan lagi perkara ini. Semua pihak perlu hormati keputusan ini," katanya.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, tindakan sepatutnya akan diambil bagi mengenal pasti individu yang bertanggungjawab terhadap kematian Muhammad Adib.

Katanya, sebelum ini, pihaknya berpuas hati tidak mengenakan tuduhan kepada sesiapa kerana kekurangan bukti.

"Tetapi, sekiranya mahkamah memutuskan ada unsur itu (jenayah), kita akan semak kembali," katanya ketika sidang media selepas Sambutan Hari Inovasi PDRM di Universiti Malaysia Perlis, semalam.

REAKSI

Putrajaya: "Ini bukan satu kes rasis, kalau salah salah, bukan sebab kaum... kita semua Malaysia, tetapi kita mahu juga keadilan untuk Adib," kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Dr Wan Azizah berkata demikian bagi mengulas keputusan inkues membabitkan kematian anggota bomba Muhammad Adib Mohd Kassim yang diputuskan Mahkamah Koroner Shah Alam, semalam.

Menurutnya, kerajaan menghormati keputusan inkues

yang dikeluarkan itu. "Saya difahamkan Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador sudah keluaran kenyataan bahawa akan membuka balik siasatan kes itu," katanya ketika ditemui, semalam.



Kuala Lumpur: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berharap individu bertanggungjawab terhadap kematian Muhammad Adib Mohd Kassim dibawa ke muka pengadilan.

Ia susulan Mahkamah Koroner Shah Alam memutuskan kematian anggota bomba berkenaan berpunca daripada perbuatan jenayah oleh dua atau lebih individu yang tidak dikenali.

Ketua Pengarah JBPM Datuk Mohamad Hamdan Wahid berkata, keputusan itu memang ditunggu warga JBPM susulan perjuangan mereka bagi membolehkan kematian Muhammad Adib mendapat

pembelaan yang sewajarnya.

"Kita bersyukur kerana perjuangan bomba bagi mendapatkan pembelaan untuk Muhammad Adib selama ini akhirnya terbukti di mahkamah," katanya, semalam.



Menangis syukur keputusan mahkamah

Shah Alam: "Alhamdulillah... saya bersyukur sangat dengan keputusan." Demikian jawapan ringkas tunang kepada Allahyarham Muhammad Adib, Nurul Najihah Mohd Radzi ketika diminta mengulas keputusan Mahkamah Koroner semalam, yang memutuskan punca kematian anggota bomba, Muhammad Adib akibat impak perbuatan jenayah disebabkan dua atau lebih lelaki yang tidak dikenali.

Nurul Najihah, 26, yang berbaju kurung biru dan bertudung kelabu itu menangis teresak-esak sehingga tidak mampu memberikan jawapan ketika disoal

perberita. Dia yang ditemui di tempat letak kereta pekarangan Kompleks Mahkamah Shah Alam itu kemudiannya beredar pergi bersama seorang wanita yang mememaninya ke kenderaan mereka.

Terdahulu, Nurul Najihah buat pertama kalinya hadir ke prosiding inkues kematian Muhammad Adib, jam 8.45 pagi di Mahkamah Koroner.

Sementara itu, abang sulung Muhammad Adib, Mohd Asraf, mahukan keadilan terhadap apa yang menimpa adiknya itu dalam insiden rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya, 27 November tahun lalu.

Mohd Asraf, 31, yang kelihatan gembira itu juga berharap individu yang

bertanggungjawab menyebabkan kematian adiknya dibawa ke muka pengadilan.

"Alhamdulillah, syukur semua... memang inilah yang keluarga harapkan dalam keputusan Adib," katanya.

Menurut Mohd Asraf, keputusan inkues ini sudah dimaklumkan kepada ibu dan bapanya, Mohd Kassim Abdul Hamid, 64, dan Asma Aziz, 52 di rumah mereka di Kampung Tebengau, Alor Setar, Kedah.

"Kedua-duanya akan datang ke Kuala Lumpur pada petang ini dan berbincang tindakan seterusnya.

"Kami sekeluarga berharap polis dapat segera menangkap pelaku jenayah dalam kes itu," katanya.

Mohd Asraf sebelum ini sering hadir ke prosiding inkues kematian adiknya itu

di Mahkamah Koroner. Koroner Rofiah Mohamad pada pagi semalam, membacakan keputusan inkues kematian Muhammad Adib disebabkan perbuatan jenayah dua atau lebih orang tidak dikenali.

Prosiding inkues yang dikendalikan Pengendali Faten Hadni Khairuddin itu bermula pada 11 Februari lalu dengan seramai 30 saksi termasuk beberapa saksi pakar dipanggil memberi keterangan selain 137 eksibit dikemukakan.

Muhammad Adib, 24, yang juga anggota van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya, parah dalam rusuhan ketika kekecohan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya pada 27 November 2018.

Nurul Najihah (kiri) menangis ketika keluar dari kompleks Mahkamah Shah Alam, semalam.

